

**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (a) GAJI HARI**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI**

**PEGAWAI PENDIDIKAN (PG.3)  
INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 11 MEI 2026  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 25 MEI 2026  
BILANGAN IKLAN: 2026/TP/II/PP**

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada  
Institut Pendidikan Teknikal Brunei seperti berikut:**

**BAHAGIAN : UNIT PENGAMBILAN, BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**  
**ALAMAT : KAUNTER HUMAN RESOURCE & ADMINISTRATION,  
TINGKAT I, BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,  
IBU PEJABAT IBTE**  
**EMEL : [recruitment@ibte.edu.bn](mailto:recruitment@ibte.edu.bn)**  
**NO TEL : 2425555 (O)**

**Permohonan adalah secara online di laman sesawang:  
<https://recruitment.ibte.edu.bn>**

**PERATURAN 7 (a) – GAJI HARI**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- [A] Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- [B] Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- [C] Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- [A] Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila emel kepada **[recruitment@ibte.edu.bn](mailto:recruitment@ibte.edu.bn)**

## IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

**PEGAWAI PENDIDIKAN  
INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
PG.3 (BAHAGIAN II)  
KEKOSONGAN = LIMA BELAS (15)**

### BIDANG DAN JUMLAH KEKOSONGAN:

- Aquaculture / Aquaculture and Fisheries (01 Kekosongan)
- Bahasa Inggeris (02 Kekosongan)
- Computing / Software Development / Data Analytics (01 Kekosongan)
- Culinary (01 Kekosongan)
- Mechanical Engineering (02 Kekosongan)
- Mechanical Engineering (Agriculture) (01 Kekosongan)
- Nursing (02 Kekosongan)
- Pengajian Brunei (02 Kekosongan)
- Pharmacology (01 Kekosongan)
- Real Estate / Property Management (01 Kekosongan)
- Tourism (01 Kekosongan)

### KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding sekurang-kurangnya Kepujian Kelas Kedua.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan.
2. Mempunyai salah satu kelulusan Bahasa Inggeris seperti berikut:

<b>Kelulusan Bahasa Inggeris</b>	<b>Gred Minima</b>
Sijil Am Pelajaran Brunei <i>Cambridge</i> Peringkat Biasa <i>GCE 'O' Level</i>	Kredit
<i>International English Language Testing System (IELTS)</i>	6.0
Kelulusan TOEFL	Score 550
UBD <i>English Proficiency Test (UBT – EPT)</i>	B2
UBD <i>Bridging English Course (UBT – BEB)</i>	Pass
IGCSE <i>English Language (as a First Language) – London/Edexcel/Cambridge</i>	C
IGCSE <i>English Language (as a Second Language) – London/Edexcel/Cambridge</i>	B
<i>GCE A Level English Language – London/Edexcel/Cambridge</i>	C
<i>GCE A Level General Studies / General paper – London/Edexcel/Cambridge</i>	C

3. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang yang dikehendaki oleh jawatan dari segi teori dan amali.
4. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
5. Pemohon dalam bidang Nursing yang berdaftar dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei (*Nursing Board for Brunei*) adalah satu kelebihan.

## **6. PERINGKAT PEMILIHAN DAN PENILAIAN SARINGAN**

- 6.1) Pemohon-pemohon adalah dikehendaki untuk mengikuti Peringkat Pemilihan dan Penilaian Saringan yang telah ditetapkan oleh Institut ini dari semasa ke semasa.
- 6.2) Peringkat Pemilihan dan Penilaian Saringan adalah seperti berikut:
  - i) Ujian Bertulis;
  - ii) Penilaian Temu duga; dan
  - iii) Penilaian Demonstrasi Pengajaran

## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengajar dan melatih pelajar di peringkat ISQ / NTec / HNTec / dan Diploma.
2. Mengaplikasi teori dan latihan praktikal dalam pengajaran.
3. Menyediakan alat bantu mengajar yang bersesuaian bagi proses pengajaran dan pembelajaran.
4. Membantu dalam penyelidikan dan perkembangan kurikulum.
5. Meningkatkan kualiti pengajaran bagi pembelajaran pelajar.
6. Mengambil langkah proaktif dalam pembangunan diri untuk menjadi pakar dalam bidang modul yang diajar termasuk mengikuti latihan penempatan industri.
7. Mengendalikan lain-lain latihan / kursus yang formal.
8. Mengawas pelajar dalam kegiatan tambahan dan latihan industri.
9. Menganggotai mana-mana jawatankuasa yang ditentukan oleh pihak pentadbiran Institusi.
10. Menjalankan lain-lain tanggungjawab yang ditentukan oleh pihak pentadbiran Institusi dari semasa ke semasa.